# MANUAL PENGGUNA
*(USER MANUAL)*

---

**JABATAN BENDAHARI**

# POTONGAN ZAKAT/POTONGAN CUKAI BULANAN (PCB) *ONLINE*
## *(ZAKAT DEDUCTION/MONTHLY TAX DEDUCTION ONLINE)*
## UPSI (ISO)/BEN/P06/MP02

**PINDAAN: 00**

**TARIKH: 8 JANUARI 2016**

**PENDAHULUAN**

1.1 Manual Pengguna Potongan Zakat/Potongan Cukai Bulanan (PCB) *Online* disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada pengguna berkenaan kaedah membuat permohonan potongan gaji bagi tujuan bayaran Zakat/PCB secara *online* melalui Portal MyUPSI.

1.2 Proses permohonan potongan Zakat/PCB ini adalah seperti berikut:

1.3

| Bil. | Proses | Tindakan |
|---|---|---|
| 1 | Melengkapkan maklumat permohonan | Pemohon |
| 2 | Menghantar (*Submit*) maklumat permohonan | Pemohon |
| 3 | Menyemak dan meluluskan permohonan | Jabatan Bendahari |

a y a ran zakat melalui Sistem Zakat/PCB *Online* ini akan disalurkan kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) setelah mengambilkira justifikasi-justifikasi berikut:

1.3.1 Adalah lebih afdal membuat bayaran zakat kepada lembaga zakat negeri di mana pembayar zakat bekerja.

1.3.2 Pihak UPSI menjalin kerjasama dengan pihak MAIPk. Separuh daripada jumlah keseluruhan bayaran yang dibayar oleh kakitangan UPSI akan dipulangkan semula oleh MAIPk kepada Tabung Zakat UPSI dan seterusnya diagih-agihkan kepada asnaf-asnaf yang layak di kalangan pelajar dan kakitangan UPSI yang memerlukan.

1.3.3 Amaun potongan zakat yang dibuat layak mendapat pelepasan cukai pendapatan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

## 2. TATACARA PERMOHONAN POTONGAN ZAKAT/PCB *ONLINE*

2.1 Layari MyUPSI Portal di https://myupsi.upsi.edu.my/.

2.2 Masukkan Nama Pengguna (*Username*) dan Kata Laluan (*Password*).




2.3 Klik Menu *Finance*




2.4 Klik *Submenu* Zakat/PCB



2.5 Skrin seperti di bawah akan dipaparkan. Klik butang *Status* untuk membuat semakan status permohonan potongan Zakat/PCB.



**Zakat/PCB**

Apply | Status

| # | Tarikh Permohonan. *Request Date* | Kategori *Category* | Zakat (RM) | PCB (RM) | Amaun (RM) *Amount (RM)* | Status *Status* | Tindakan *Action* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 23-01-2014 | ZAKAT dan PCB | 500.00 | 1200.00 | 1700.00 | APPLY | Print |
| 2. | 23-01-2014 | PCB ditukarkan sepenuhnya kepada ZAKAT | 1699.00 | 0.00 | 1699.00 | APPLY | Print |
| 3. | 23-01-2014 | Nilai baru potongan PCB | 0.00 | 1699.50 | 1699.50 | APPLY | Print |
| 4. | 23-01-2014 | Nilai baru potongan ZAKAT | 30.00 | 1699.00 | 1729.00 | APPLY | Print |

**Nota:**
ENTRY - Permohonan disimpan (boleh dikemaskini atau dipadam)
APPLY - Permohonan telah dihantar untuk kelulusan (tidak boleh dikemaskini atau dipadam)
APPROVE - Permohonan telah diluluskan oleh Jabatan Bendahari
REJECT - Permohonan telah ditolak oleh Jabatan Bendahari

2.6 Klik butang *Apply* untuk membuat permohonan baru potongan Zakat/PCB. Skrin seperti di bawah akan dipaparkan.



Zakat/PCB

Apply Status

**A. MAKLUMAT PEMOHON**

Nama: Ahmad bin Muhammad
No. Kad Pengenalan: 650401-01-3427
No Tel. (Pej):
Zakat (sedia ada): RM 0.00

No.Staff: K03000
PTJ: Fakulti Sains Kemanusiaan
No Tel (H/P):
PCB (sedia ada): RM 1699.00

***Nota:*** *Zakat/PCB di atas adalah berdasarkan gaji bulan sebelumnya. Tuan/puan dinasihatkan untuk tidak membuat permohonan potongan zakat/PCB sekiranya menerima tunggakan gaji pada bulan tersebut kerana amaun PCBnya adalah lebih tinggi daripada biasa setelah mengambilkira tunggakan tersebut. Tunggakan gaji adalah pendapatan yang tertakluk kepada bayaran cukai dan akan menyebabkan kadar PCB pada bulan berkenaan lebih tinggi berbanding kebiasaan*

**B. KEBENARAN POTONGAN GAJI**

Saya membenarkan gaji bulanan saya dipotong bagi maksud ansuran bayaran ZAKAT/PCB mulai bulan [ ] tahun [ ] seperti maklumat berikut:

| KATEGORI | CONTOH | PILIHAN | ZAKAT RM | PCB RM | JUMLAH RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. PCB ditukar sepenuhnya kepada ZAKAT | Klik | | | | |
| 2. ZAKAT dan PCB | Klik | | | | |
| 3. Nilai baharu ZAKAT dengan PCB dikekalkan | Klik | | | | |
| 4. Nilai baharu PCB | Klik | | | | |

2.7 Lengkapkan maklumat yang diperlukan iaitu nombor telefon pejabat, nombor *handphone*, bulan serta tahun mula potongan.

2.8 Sebelum membuat pilihan kategori potongan yang dikehendaki, pemohon dinasihatkan supaya melihat contoh bagi kategori potongan yang berkenaan supaya pilihan yang dibuat adalah tepat.

2.9 Kemudian, pilih kategori potongan Zakat/PCB yang dikehendaki. Masukkan amaun potongan (jika berkenaan).

2.10 Sekiranya permohonan tuan/puan melibatkan potongan zakat, pastikan tuan/puan berniat untuk membayar zakat semasa mengisi borang ini seperti di Bahagian C skrin di bawah:

| KATEGORI | CONTOH | PILIHAN | ZAKAT | PCB | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | RM | RM | RM |
| 1. PCB ditukar sepenuhnya kepada ZAKAT | Klik | ◉ | 1699.00 | 0.00 | 1699.00 |
| 2. ZAKAT dan PCB | Klik | ○ | | | |
| 3. Nilai baharu ZAKAT dengan PCB dikekalkan | Klik | ○ | | | |
| 4. Nilai baharu PCB | Klik | ○ | | | |

**C. NIAT MEMBAYAR ZAKAT**

Inilah wang sebanyak RM 20388.00 (setahun) sebagai menunaikan zakat pendapatan yang wajib ke atas saya dibayar secara ansuran bagi tahun semasa

2.11 Setelah maklumat permohonan dilengkapkan, klik butang *Save*. Status permohonan tuan/puan akan menjadi *Entry* seperti di skrin di bawah. Tuan/Puan masih boleh mengemaskini (*Edit*) dan memadam (*Delete*) rekod permohonan jika permohonan masih berstatus *Entry*.

**Zakat/PCB**

Apply | Status

| # | Tarikh Permohonan. *Request Date* | Kategori *Category* | Zakat (RM) | PCB (RM) | Amaun (RM) *Amount (RM)* | Status *Status* | Tindakan *Action* |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | 12-02-2014 | PCB ditukarkan sepenuhnya kepada ZAKAT | 1699.00 | 0.00 | 1699.00 | ENTRY | Submit Edit Delete Print |
| 2. | 23-01-2014 | Nilai baru potongan ZAKAT | 30.00 | 1699.00 | 1729.00 | APPLY | Print |
| 3. | 23-01-2014 | PCB ditukarkan sepenuhnya kepada ZAKAT | 1699.00 | 0.00 | 1699.00 | APPLY | Print |
| 4. | 23-01-2014 | ZAKAT dan PCB | 500.00 | 1200.00 | 1700.00 | APPLY | Print |
| 5. | 23-01-2014 | Nilai baru potongan PCB | 0.00 | 1699.50 | 1699.50 | APPLY | Print |

**Nota:**
ENTRY - Permohonan disimpan (boleh dikemaskini atau dipadam)
APPLY - Permohonan telah dihantar untuk kelulusan (tidak boleh dikemaskini atau dipadam)
APPROVE - Permohonan telah diluluskan oleh Jabatan Bendahari
REJECT - Permohonan telah ditolak oleh Jabatan Bendahari

2.12 Sekiranya telah berpuas hati dengan maklumat permohonan tersebut, tuan/puan perlu menekan butang *Submit* supaya permohonan dihantar secara automatik ke Sistem MyFIS untuk tujuan kelulusan.

2.13 Pihak Jabatan Bendahari akan menyemak dan seterusnya meluluskan permohonan tuan/puan.

2.14 Permohonan yang telah diluluskan oleh Jabatan Bendahari akan dimaklumkan melalui email seperti berikut:

> Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk membuat bayaran zakat/PCB melalui potongan gaji bertarikh 3-Feb-2014 telahpun diluluskan. Kategori potongan yang dipilih adalah **PCB ditukar sepenuhnya kepada Zakat** dan potongan gaji akan mula dilaksanakan mulai gaji bulan **Mac** tahun **2014** dengan jumlah **RM1,699.00** sebulan.

2.15 Tuan/puan tidak perlu mencetak dan mengemukakan Borang Pembayaran Zakat/PCB Melalui Potongan Gaji ke Jabatan Bendahari memandangkan maklumat permohonan akan dihubungkan terus ke Sistem MyFIS dan akan

diinput secara automatik pada bahagian potongan gaji setelah permohonan diluluskan.